

**Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu (RUMPUN)**

*International Journal of Malay Letters*

Jilid 2/Jan/2014, 207-228

ISSN:2289-5000

Persatuan Penulis Budiman Malaysia  
*Budiman Writers Association of Malaysia*

**KUASA BAHASA DAN SASTERA MELAYU DALAM TATATINGKAT  
BAHASA-BAHASA DI DUNIA**  
***THE POWER OF LANGUAGE AND MALAY LITERATURE AMONG  
WORLD LANGUAGES RANKING***

*Prof Madya Dr. Kamsiah Abdullah\**

Faculty of Arts and Social Sciences

Universiti Brunei Darussalam,

Brunei Darussalam

\*kamsiahabdullah@ubd.edu.bn

**ABSTRAK**

Bahasa dan sastera merupakan unsur jati diri yang penting. Tamadun sesuatu bangsa dikenali melalui bahasa dan kesusasteraannya, yang mencerminkan sistem kehidupan masyarakatnya. Bidang sastera, yang menggunakan bahasa secara emotif lebih menyerlahkan sifat seni dan kreativiti dan keindahan. Sastera selalu berkembar dengan bahasa yang digunakan secara saintifik. Kedua-dua bahasa dan sastera, menyumbang nilai-nilai positif kepada kemanusiaan, namun dalam zaman ini bahasalah yang lebih dominan, digunakan dalam berbagai domain penggunaan secara komunikatif, saintifik dan fungsional. Bahasa mempunyai kuasa-kuasa untuk mempengaruhi orang ramai. Kuasa bahasa terletak pada penuturnya dan penggunaannya sama ada dalam kalangan “yang berkuasa” atau “yang dikuasai”. Kuasa bahasa begini dapat dilihat dalam lingkungan Perhimpunan Bangsa-Bangsa Bersatu, kuasa pemerintah, kuasa undang-undang, lembaga adat, tradisi, pendidikan, perdagangan, teknologi, agama dan dalam berbagai bentuk kebudayaan. Bagaimana pula situasi bahasa-bahasa besar dalam persaingan kuasa ini? Bagaimana kedudukan bahasa Melayu dalam tatatingkat bahasa-bahasa yang berkuasa dalam zaman globalisasi ini? Bahasa yang berprestij dari negara-

negara yang mempunyai kuasa yang besar secara politik, militari dan ekonomi akan berhasil mempengaruhi arus perkembangan berbagai aspek.

Kata Kunci: Bahasa, Sastera Melayu, Kuasa, Tatatingkat.

## **ABSTRACT**

*Language and Literature are important identity markers of every nation, states and societies. In the past, great civilization was known through its language and literature which depict the life of its people throughout the ages. Literature, which uses language in the emotive expressive way often reflects the artistic, creativity and beauty of the language which in the normal contexts often centred on the ordinary or scientific uses. Both language and literature contributes positive values towards humanity and are studied along with each other, but in this global era, language which is used communicatively, scientifically or functional, is the more dominant. This paper traces the links between language, literature and its power to influence people especially the weaker members of the public. It also deals with aspects of development of major languages in the region in relation to their power to influence the future state of affairs. Factors other than linguistic and literature can advance, promote or displace a language. Prestigious languages in the world has the power because of the presence of several factors, such as political, economic, military, social, on their side.*

**Keywords:** Malay, Language, Literature, Power, Ranking.

## **PENGENALAN**

Bahasa pada hakikatnya merupakan suatu unsur penting dalam setiap peradaban, setiap bangsa, setiap negara dan masyarakat. Tamadun yang tinggi lazimnya di kenal melalui bahasa yang diwariskannya kepada generasi mendatang dalam bentuk kesusasteraannya, persuratannya yang mencerminkan sistem

kehidupan masyarakat dalam zamannya. Bahkan ramai yang berpendapat bahawa dengan wujudnya bahasalah manusia boleh mencapai tahap tamadun yang begitu tinggi.

Begitu besarnya peranan bahasa dalam sesebuah masyarakat yang menuturkannya, yang memahaminya. Sistem tulisan yang dikuasai manusia kemudianya memperkuuh di samping mengkristalisikan bahasa atau bentuk-bentuknya yang tersendiri. Manusia mengukir zamannya dengan kata-kata, lambang perkataan yang diukir ke batu-batu bersurat, di atas kulit-kulit dan tulang-tulang binatang juga kepingan-kepingan logam dan kertas. Melalui bahasa seorang raja dapat menjalankan perintahnya kepada rakyatnya; seorang ahli falsafah mampu mengungkapkan ilmu dan nilai-nilai hasil pemikirannya; orang ramai dapat bergaul antara satu sama lain. Bahasa berfungsi sebagai alat atau wahana bagi menamakan konsep, memperoleh ilmu, menyampaikan maklumat dan sebagainya.

Apabila ilmu bahasa khususnya linguistik dikaji secara saintifik berbagai bentuk struktur dalaman, bahasa-bahasa yang wujud di dunia ini dikaji. Kajian Tatabahasa Fonologi, Morfologi, Sintaksis dan berbagai cabangnya menjadi bidang disiplin yang wajib dalam sains sosial. Kajian bahasa dalam abad ke 20 berkembang dan meluas dengan gandingan disiplin lain hingga membawa kepada teori-teori baru dalam kajian sosiolinguistik, psikolinguistik dan sebagainya. Kini dengan berkembang dan mendalamnya bidang Komunikasi, maka bahasa dan kekuasaan menjadi satu bidang yang membesar dan mengkhusus.

Bidang sastera yang selalu berkembar dengan bahasa selalunya menyumbang nilai-nilai positif kepada kemanusiaan. Ia biasa dipelajari sebagai salah satu dari komponen bahasa. Namun ia juga dikaji dan dipelajari secara terpisah kerana perkembangannya dan fokus penelitiannya yang berbeza dan unik - kadang-kadang saster dikaji mengikut bentuk atau genrenya seperti eseи, novel, cerpen, sajak, drama dan baru-baru ini filem. Biasa juga diselidiki mengikut zaman karya-karya itu terhasil, seperti sastera klasik, moden, pasca moden; atau menurut tokoh-tokoh atau sasterawan yang menghasilkan sesuatu karya terpilih.

Namun sastera tidak pernah terpisah dari bahasa yang membentuk isinya. Sastera atau karya sastera dikenali sebagai satu bentuk, satu penglahiran bahasa yang di luar dari kegunaan yang lazim. Sastera dipandang sebagai bahasa yang berseni, yang indah, yang mencapai tahap mercu bahasa yang baik dan tinggi, yang dapat dinikmati oleh pendengar atau pembacanya. Fungsi hiburan dalam berbagai bentuk sastera lebih menonjol dari yang terkandung dalam teks biasa. Semua teks dan bentuk sastera menggunakan bahasa sebagai alat utamanya untuk memperkatakan sesuatu pengalaman hidup yang dirasakan secara intensif dan ingin dikongsi bersama dengan khalayaknya. Terdapat kenikmatan dalam menghasilkan dan menghayati hasil sastera.

### **Bahasa menyampaikan Makna**

Bahasa ialah sekumpulan kata-kata yang disusun untuk menyampaikan makna. Seorang pakar bahasa, iaitu Robins menakrifkan bahasa sebagai satu sistem simbol yang arbitrari yang dapat dikembangkan dan diubah menurut keperluan-keperluan penggunanya yang sentiasa berubah-ubah. Dari sudut komunikasi bahasa adalah semata-mata satu cara untuk mengkomunikasikan idea, perasaan dan kemahuan melalui satu sistem simbol yang diterbitkan secara sukarela (Edward Sapir). Bukan itu saja, bahasa dikatakan mewakili satu bentuk identiti atau jatidiri sosial seseorang. Maka ini dapat menjelaskan tentang bahasa-bahasa dan dialek2 yang berbagai dan berbeza-beza menurut pemakai yang mempunyai jatidiri yang serupa atau sama.

Bahasa itu penting kerana orang-orang yang menuturkannya itulah yang penting. Ini kerana bahasa ada hubungan dengan orang yang menuturkannya, ada hubungan politik, ekonomi, perdagangan, sosial dan budaya dengan penuturnya. Dalam sejarah bahasa dan bangsa, dapat dilihat bagaimana sesuatu bahasa yang agung suatu masa dulu, kerana kekuasaan bangsa penuturnya yang luas dengan empayarnya yang besar, masih lagi dipelihara dan dipelajari walaupun sesebuah kerajaan atau empayar itu telah kehilangan kuasa. Ini dapat dilihat

daripada bahasa Yunani (Greek) dengan bentuk-bentuk kesusasteraannya begitu luas dipelajari di Eropah lama setelah kerajaan Yunani itu sendiri kehilangan kuasa politik.

### **Dua cara Bahasa digunakan**

Di dalam bahasa ada alat untuk menyampaikan maklumat, perasaan, kehendak, keperluan, dan butir-butir perhubungan sesama manusia. Richards menyimpulkan bahawa bahasa boleh digunakan dengan dua cara, iaitu cara yang saintifik dan cara yang ‘emotif’. Dalam bahasa yang digunakan secara yang saintifik, kita biasanya buat biasa-biasa saja. Semua aktiviti yang diliputi oleh cara begini (saintifik) menggunakan rujukan, tidak digunakan unsur-unsur fiksi (absence of fiction). Kita hanya gunakan kenyataan-kenyataan yang benar (dan yang tidak benar) walaupun rujukan-rujukan tersebut sepatutnya benar dan mestilah ada logiknya.

Penggunaan bahasa yang emotif berkait dengan kesusasteraan dan berbeza dengan penggunaan bahasa yang biasa atau saintifik itu. Bahasa yang digunakan secara emotif tidak semestinya bersandar pada prinsip logik – bahkan kadang-kadang logika boleh menjadi semacam halangan. tidak ada kaitan logika dengan fakta yang dirujuk. Bahasa emotif digunakan untuk mencipta perasaan dan sikap, ia tak semestinya tepat, jelas, dan bersahaja bagi menggambarkan ‘external reality’ – realiti luaran atau yang kelihatan. Richards menganggap bahawa penggunaan bahasa dalam fiksi ialah satu penglahiran terhadap kebenaran yang hakiki secara yang imaginatif.

Sastera ternyata menggunakan bahasa emotif bukan jenis bahasa saintifik. Bahasa saintifik memperlihatkan sikap yang serius, benar, tepat, efisien, tidak seperti sastera yang kadang-kadang bersifat direka-reka dan imaginatif. Bahasa sebagai alat mempunyai dua peranan yang unik sebagai SENI dan SENJATA (Kamsiah, 2008). Konsep bahasa sebagai Seni terlihat dalam keindahan sastera baru dan lama seperti pantun, syair, sastera sufistik dan sebagainya. Konsep bahasa sebagai “senjata” lebih mirip kepada kuasa bahasa yang fungsional dalam komunikasi harian.

Di bawah ini diperturunkan sekumpulan kata-kata dalam bahasa Melayu yang biasa diungkapkan waktu tengah malam yang sunyi oleh seseorang yang ingin bertaubat, dengan lagunya yang mendayu-dayu.

“Mohon ampun ya Allah yang maha agung  
Allahlah Tuhan, tiada Tuhan selainmu  
Yang maha hidup dan maha berdikari  
Hamba taubat ya Allah (3x)  
Taubat seorang hamba yang zalim  
Yang merasa berkuasa, walau tiada kuasa apa-apa  
Tiada kuasa memberi mudharat  
Tiada kuasa memberi manfaat  
Tiada kuasa mematikan  
Tiada kuasa menghidupkan, dan  
Tiada kuasa hidupkan semula”.

Petikan tadi ialah sebuah doa, Doa Taubat dalam bahasa Melayu. Doa tadi menggunakan bahasa yang begitu ekspresif, dengan gaya dan iramanya, memberi kita satu kesan yang mendalam. Ungkapannya masuk ke hati itu dituturkan untuk menghidupkan dan membangunkan perasaan bergantung terhadap Allah s.w.t dan kita adalah ciptaanNya yang mempunyai perasaan-perasaan sedih, gembira, terkejut, takjub, bersyukur dan lain-lain. Kepada yang menuturkannya, yang merintih-rintih atau yang mendengarnya saja, “kuasa bahasa” dalam doa itu tetap terasa.

Ada dua perkara yang tergali dalam mencerna petikan tadi. Pertama ialah bagaimana mengkategorikan doa itu - dikategorikan sebagai suatu hasil sastera atau pun hanya bentuk bahasa hari-hari. Kedua ialah soal komunikasi dengan Tuhan, bercakap-cakap dengan Tuhan, meminta-minta. Kategori berkomunikasi dengan ‘makhluk ghaib’ seperti ini wujud dalam masyarakat Melayu namun tidak pernah dikaji secara mendalam dalam wacana linguistik maupun sastera.

Berbalik pada Doa Taubat tadi, di dapat di dalam doa itu ada 7 tempat di mana kata “kuasa” disebutkan. Perkataan kuasa itu

ialah terjemahan dari kata *yamliku* dalam bahasa Arab yang boleh bermaksud “raja”, “kuasa”, “yang memiliki” dan seumpamanya. Terbit juga suatu kesadaran terhadap besarnya “kuasa bahasa” yang menjadi matan perkongsian kita pagi ini. Saya petik doa tadi kerana ia menunjukkan kebalikan dari konsep yang “berkuasa” iaitu rasa hina-dina seorang hamba yang tidak mempunyai apa-apa kuasa kerana yang berkuasa mutlak dalam semua hal ialah Tuhan yang Maha Esa. Jadi timbul satu isu lagi, isu ketiga, iaitu “kuasa” bahasa (dan sastera). Perkataan atau bunyi-bunyi perkataan atau huruf itu dipercayai ada kuasanya yang tersendiri yang terkait dengan pahala yang akan didapati dan khususnya kemakbulan doa tadi dengan kuasa Allah s.w.t. Berkait dengan ini juga, misalnya bacaan-bacaan tertentu seperti membaca Bismillah-i-Rahmaan-iRahim Maknanya setiap huruf atau perkataan dalam bacaan-bacaan itu memiliki KUASA nya tersendiri, bukan dari kuasa manusia yang diteori-teorikan selama ini.

Ini bukanlah perkara yang direka-reka, ia disokong oleh amalan dalam masyarakat Melayu Islam yang menggunakan mantera, pembacaan berbagai jenis doa yang diimani ada kuasa menyampaikan hajat seseorang. Sebagai contoh, diperturunkan mantera berikut yang digunakan para pendekar yang inginkan kekebalan:

Bismillahir Rahmannir Rahim payung aku  
Malaikat Jibril kota aku  
Malaikat empat puluh-empat pagar aku  
Aku berjalan dengan lenggang Muhamad  
Aku berkata dengan kata Allah  
Berkat doa Lailahaillah.

Ada juga mantera yang digunakan sebagai pengasih. Dukundukun dan bomoh kerap menggunakan kata-kata tersebut sebagai senjata untuk memusnahkan seseorang, atau sebaliknya untuk menjadi ubat penawar yang mujarab bagi menyembuhkan sesuatu penyakit umpamanya penyakit rindu dendam. (Kamsiah 2008).

### **Bahasa dan Kuasa**

Berbalik kepada dunia nyata: bahasa merupakan alat komunikasi antara individu atau antara kelompok yang amat penting, ia tidak dapat dipisahkan dengan kekuasaan dalam satu-satu kelompok, besar maupun mendunia. Kuasa dianggap semacam pentas di mana seorang individu betemu dengan individu lain, atau satu kelompok berbincang dengan kelompok lain, masing-masing saling mempunyai kepentingan. Bahasa dijadikan alat untuk menunjukkan adanya kekuasaan atau kekuatan tertentu oleh pemakai bahasa. Dalam interaksi sosial berlaku hubungannya dengan kuasa dan kepentingan, kuasa yang bersifat instrumental, kuasa untuk mempengaruhi orang ramai. Penggunaan kuasa bahasa begini dapat dilihat dalam lingkungan kuasa pemerintah, kuasa undang-undang, lembaga adat, tradisi, pendidikan, perdagangan dan berbagai bentuk pengurusan. Lebih besar kuasa seseorang pemakai bahasa itu dalam masyarakatnya maka lebih besarlah kuasa bahasa yang dapat digunakan terhadap mereka yang kurang atau tiada kuasa dalam masyarakat. Bahkan tidak keterlaluan apabila Max Weinreich, seorang linguis bahasa Yiddish menulis bahawa, "*A language is a dialect with an army and a navy.*" Dengan perkataan lain ini bermaksud bahawa bahasa adalah kuasa yang memerintah.

Dalam wacana seperti ini Bourdieu (disebut dalam <http://www.powercube.net/other-forms-of-power/bourdieu-and-habitus/>) mengengahkan konsep "kekuasaan kata" atau "kekuasaan bahasa". Beliau mendepankan idea bahawa bahasa hanyalah dijadikan alat oleh penguasa untuk memobilisasi masyarakat demi melegitimasi autoritinya sebagai penguasa. Dalam hal ini, kekuasaan kata seseorang, dapat *melegalikan* yang tidak *legal* dan sebaliknya pula, boleh membuat yang baik, kelihatan tidak baik atau negatif.

Selanjutnya Habermas (1984) pula mengenalkan konsep 'communicative power' sebagai satu sumber untuk menolak kuasa media dan pentadbiran. Mengaitkan komunikasi dengan kuasa mengandaikan sumber-sumber normative (kebiasaan) untuk berkomunikasi dengan daya kuasa yang impersonal. Tiada undang-undang atau peraturan, disiplin, atau tatasusila yang menghalang

penggunaan bahasa, namun bahasa tetap menguasai cara kita bertindak, berfikir dan bersikap, tanpa dipaksakan. Ini berlaku secara sedar atau tidak dalam pengiklanan dan media. Misalnya, kita tidak dipaksa untuk membeli sesuatu barang melalui bahasa tetapi dapat terpengaruh melalui penggunaan bahasanya secara begitu berkesan. Media hari ini ialah kuasa besar yang menggunakan bahasa dengan berbagai bentuknya untuk mempengaruhi pembaca dan seterusnya mempengaruhi alam politik.

Teori Michel Foucault, seorang Perancis, sangat berpengaruh dalam membentuk kefahaman baru tentang apa yang dikatakan kuasa yang biasa dikaitkan dengan penindasan atau ‘coersive power’. Padanya “power is everywhere” dan boleh datang dari mana-mana dan dari siapa saja. Ia bersifat menyeluruh dan terbuka, dan wujud dalam berbagai bentuk seperti dalam wacana, dalam penyampaian ilmu dan dalam regim-regim ‘kebenaan’. Kuasalah yang “menjadikan kita” atau ‘mencirikan kita’. Kuasa tidak hanya bermakna tekanan, penindasan dan negatif, tetapi kadang-kadang diperlukan untuk menjadi produktif dan daya positif dalam sesebuah masyarakat.

Dalam satu aspek ‘Kuasa’ dibayangkan seolah-olah suatu panggung seni di mana retorika digunakan, permainan bahasa disekang-selikan dengan tujuan menguasai penontonnya. Dari menguasai penonton atau pembaca bahasa yang berkesan berupaya menguasai orang ramai.

Bahasa dan kekuasaan dibicarakan dalam teori komunikasi Habermas yang mengutarakan konsep kuasa dalam berkomunikasi, kuasa ini berkaitan dengan berkomunikasi secara rasional (communicative rationality) yang mendasari satu paradigma untuk kejayaan sesuatu peristiwa komunikasi. Dalam hal ini kuasa komunikasi (communicative power) berkaitan secara dalaman dengan kewajaran sesuatu tindak komunikasi.

Konsep kuasa dalam berkomunikasi Habermas diolah dan dilanjutkan dari teori yang serupa seperti, yang dikemukakan oleh Hannah Arendt. Beliau menekankan bahawa kuasa ialah sesuatu yang dapat dilaksanakan bersama-sama, bukan oleh seorang

individu sahaja. Kuasa wujud dan hidup apabila kumpulan manusia hidup bersepakat. Kuasa bersama ini boleh wujud dalam bentuk yang “non-coersive” - yang tidak menekan atau memaksa. Misalnya dalam melembagakan undang-undang, institusi dan lain-lain.

Seterusnya, Habermas dalam bukunya *Knowledge and Human Interest*, membawa pendapat bahawa pengetahuan tidak akan terpisah dengan kepentingan, dalam kes ini bahasa sebagai pengetahuan tidak akan terlepas dari kepentingan penguasai untuk menguasai rakyatnya. Ini bermakna ia seharusnya mempunyai kandungan kognitif.

Irham Thoriq seorang pengamat Indonesia dalam artikelnya di Patriotik , 17 Feb 2010 membuat kesimpulan bahawa bahasa dalam kekuasaan, dikeluarkan oleh sesebuah lembaga hanya untuk diperdengarkan, dipercayai, dipatuhi, dijawab tetapi tidak boleh dipertanyakan karena bahasa tersebut layaknya bahasa tuhan yang mutlak kebenarannya. Bahasa sebegitu dibungkus seolah-olah benar meskipun hal yang dikatakan itu salah. Bahasa yang dibungkus tersebut layak ‘topeng’ yang digunakan untuk menekan atau menindas atau membohongi orang yang dikuasai.

Begitu lumrahnya kejadian seperti ini sehingga ada yang mempercayai bahawa sejak zaman berzaman lagi para pemimpin telah menggunakan kuasa bahasa melalui propaganda seperti ini untuk mengawal dan menindas rakyat yang “tidak tahu apa-apa”. Penjajahan juga menunjukkan taring mereka melalui bahasa mereka yang akhirnya menggantikan bahasa asal kaum yang dijajah sehingga lahir konsep ‘*Linguistic Genocide Through Colonization*’ Kekuasaan Bahasa menjangkau sekurang-kurang dua pihak - pihak yang berkuasa dan pihak yang dikuasai. boleh ditinjau dari aspek penjajahan bangsa dan negara terus ke penjajahan fikiran oleh yang berkuasa kepada pemerdayaan orang yang dikuasai yang bersifat “emansipatori” yang ingin membebaskan manusia dari belenggu atau penjajahan fikiran. Maka mengkaji sifat-sifat bahasa seperti ini mengedepankan cara berfikir kritis iaitu berfikir cara mendalam, menganalisis diusung oleh semangat ingin tahu sebenarnya apa maksud sesuatu teks itu. Bagaimana kuasa bahasa disampaikan

melalui teks-teks yang diterbitkan kepada pendengar atau pembaca.

Untuk memahami realiti penggunaan bahasa seperti tersebut , misalnya dalam arena politik dan media, maka diperlukan ilmu memahami bahasa kritis yang bertitik tolak dari sudut pandangan bahawa, setiap pilihan bahasa mengandungi agenda “tersembunyi”. Analisis bahasa kritis selalu menyuburkan sikap curiga, kritis, tidak mahu percaya terus kepada setiap penggunaan bahasa begitu saja, tanpa menelitinya. Ini berlaku terutama dalam perkara yang melibatkan kepentingan orang ramai. Dalam sastera perkara tersembunyi di sebalik kata-kata ini dikaji dalam Kritikan Sastera.

Pengkajian bahasa secara kritis pada hakikatnya dikembangkan untuk tujuan pemerdayaan – memberi kuasa kepada kelompok-kelompok tertentu. Pemerdayaan bererti seseorang sekurang-kurangnya menyadari keberadaan atau kewujudan sesuatu yang cuba mempengaruhi secara halus atau terang-terangan akan masyarakat terbanyak yang hendak didominasi. Ini biasa dilakukan melalui tek-teks ucapan, artikel, penulisan-penulisan di media bercetak dan sebagainya.

## Kuasa Sastera

Dalam zaman silam sasterawan adalah ahli falsafah dan keduanya mencirikan sesuatu tamadun. Perkembangan dunia dengan pengenalan dunia saintifik dan teknologi moden mengangkat penggunaan bahasa yang sesuai dengan laras demikian. Kuasa teknologi memdahului berjalan serentak dengan menjalarnya bahasa global yang semakin menguasai dunia material. Sastera tidak dianggap sesuatu yang hebat dan agung. Menurut Mana Sikana, (2008) di zaman pascamoden sastera mula dianggap sebagai sebuah wacana (yang turut dikaji dalam kajian bahasa).

“Wacana juga adalah masuk ke dalam urat saraf kognisi khalayaknya untuk meninjau aktiviti minda dalam proses pemaknaannya ”

Selanjutnya, sastera

“meneliti perbahasan, dialogikal, dan menganalisis tentang bagaimana sebuah karya sastera itu berkomunikasi dengan khalayaknya. Unsur-unsur keberkesanannya, dinamika dan keaktifan khalayak menjadi indikasi resepsi wacana”.

Sebuah teks fiksyen misalnya memiliki ekspresi naratif seperti, aplikasi bahasa, pencitraan aksi, kejadian, watak, latar dan sebagainya, yang berperanan dalam menyampaikan pemikiran dan makna karya. Pemikiran pengkarya memiliki kuasa untuk mempengaruhi masyarakat,

Kita biasa mendengar polemik tentang seksisme, pornografi atas dasar menolak eufemisme. Penggunaan bahasa atau kata-kata yang ‘tidak biasa’, kasar atau lucah (vulgar) dalam karya sastera. Misalnya satu polemik di Indonesia antara Utami (seorang penulis wanita) yang ingin mengembalikan bahasa sesuai dengan fitrahnya dengan membongkar perkara yang disembunyikan, di satu pihak dan Taufik Ismail, Habiburrahman el-Syirazy di pihak yang bertentangan. Mereka berpendapat tak perlu berterus terang dalam menunjukkan segala kekotoran dalam kebenaran mata, cukup berungkap dengan simbol-simbol yang difahami semua. Dalam hal ini, dirujuk eufemisme bahasa yang berkuasa dan sarat dengan estetikanya yang digunakan oleh Nabi Muhammad s.a.w. Baginda menggunakan bahasa yang indah dengan cukup ‘power’ pun , menggunakan eufemisme bagi menyebut alat kelamin perempuan maupun lelaki.

### **Kuasa bahasa mengatasi kuasa sastera**

Kekuasaan sesuatu bahasa dapat dilihat dari penggunaan bahasa tersebut dalam komunikasi dalam berbagai-bagai domain misalnya dalam pendidikan, kesusteraan, perdagangan, ekonomi, militari, agama, pemerintahan dan pentadbiran, media, keluarga dan sebagainya. Kesusteraan hanya salah satu indikasi kekuasaan atau kuasa sesuatu bahasa. Kesemua domain penggunaan di

pengaruh oleh faktor-faktor luar dari bahasa – *external*nya yang mencorak penggunaannya (*use*) dan kegunaannya (*usage*). Dengan lain perkataan, KUASA sesuatu bahasa juga dipengaruhi oleh faktor-faktor luaran seperti suasana politik, demografi penutur, ekonomi, perdagangan, pendidikan, budaya, agama, bentuk dan kekuatan kaum elitnya, teknologinya dan keadaan masyarakatnya. Faktor-faktor ini yang menentukan kuat-lemahnya ‘kuasa’ sesuatu bahasa. Li Wei pernah menggunakan konsep “*currency*” atau nilai matawang dalam mengukur nilai tinggi-rendah kuasa sesuatu bahasa.

Jadi kekuasaan sastera adalah subset dari kekuasaan bahasa – ia lazimnya terikat dalam ikatan atau perhubungan korelasi yang positif – jika nilai kuasa sesuatu bahasa itu tinggi, maka tinggi pula nilai kuasa sasteranya. Saya belum mengetahui sama ada hakikat atau andaian saya ini telah dikaji secara mendalam. Cuma, dari segi sejarah, kita lihat bahawa sastera Yunani berkembang pesat sejajar dengan status bahasa Yunani yang dominan (dierika sebagai mempunyai “*currency*” yang tinggi) dalam zaman kegemilangan Empayar Yunani mendominasi Eropah. begitu juga dalam zaman kegemilangan kerajaan Melayu Melaka bahasa Melayu mempunyai nilai matawang yang tinggi apabila ia digunakan sebagai ‘lingua franca’ di dalam dan luar kerajaan iaitu dalam domain kebudayaan, perdagangan, agama, kekeluargaan dan lainnya.

Bahasa Perancis dan sastera Perancis ikut serta mempunyai nilai *matawang*’ bahasa yang tinggi apabila kota Paris menjadi jantung kesusasteraan Perancis yang melakukan penjajahan di dunia sebelah Timur setelah bahasa dan sasteranya mendominasi dunia seni Eropah sebagai sebuah tamadun yang ulung. Begitu juga bahasa Inggeris menjadi bahasa global sejajar dengan peluasan empayar “commonwealth” di tanah jajahan dan kekuatan ekonomi dan military bersama Amerika, Australia, Canada sekarang mempunyai penutur paling ramai setelah bahasa Mandarin. Nilai matawang bahasa Inggeris ditempat paling tinggi sekarang dan kelihatan seperti kuasa bahasa Inggeris akan terus merebak di seluruh ceruk –pelosok dunia, di kampong-kampung bahkan di

hutan belantara di mana ada talian telefon bimbit! Di mana wang atau matawang digunakan sebagai tukaran.

### **Bahasa Melayu dalam Tatatingkat Bahasa-bahasa besar di dunia**

Bagaimana kedudukan bahasa Melayu dalam ranking bahasa-bahasa besar di dunia?. Ethnologue menggunakan beberapa kriteria atau ciri untuk mentakrif bahasa-bahasa yang hidup di dunia. Ciri-ciri tersebut dikira berdasarkan:

1. Jumlah atau besar-kecilnya bilangan penutur
2. Bilangan penutur bukan jati berbanding dengan penutur jati
3. Statusnya sebagai bahasa rasmi
4. Komuniti linguistiknya yang tidak hanya dikira mengikut jalur bangsa /etnik (pelbagai etnik dan bahasa yang plurisentrik)
5. Mempunyai satu atau lebih laras yang baku
6. Perkaitannya dengan martabat bahasa
7. Penggunaannya dalam perdagangan antarabangsa
8. Penggunaannya dalam organisasi antarabangsa
9. Penggunaannya dalam komuniti akademik
10. Mempunyai jumlah kesusasteraan yang signifikan

Di sini, satu analisis kasar berdasarkan beberapa kriteria yang dipilih ke atas hanya beberapa bahasa yang penting dan signifikan dalam dunia orang Melayu – iaitu bahasa Inggeris, bahasa Mandarin, bahasa Arab dan bahasa Melayu. Bahasa Tamil dan Urdu tidak dimasukkan kerana kerencaman masalah bahasa-bahasa di kalangan orang-orang keturunan India.

Mula-mula akan dibincang dan dibanding keempat-empat bahasa berdasarkan jumlah atau bilangan penuturnya kemudian disentuh tentang peratus atau bilangan penutur bukan jatinya (kriteria 2 dan 4, yang bermakna bahasa tersebut telah tersebar di luar kawasan asalnya atau kawasan geografinya dan digunakan oleh masyarakat bukan bangsa asal. Ini berkait dengan criteria atau cirri 5 iaitu tentang kewujudan laras-laras baku yang bertambah bila kawasan penggunaan bahasa tersebar luas.

Maka dalam ciri pertama, tentang jumlah penutur atau lebih tepat lagi, anggaran jumlah penutur sesuatu bahasa itu dipaparkan di sini senarai jumlah penutur 10 bahasa yang terbesar di dunia berdasarkan criteria tersebut. Ini memperlihatkan besarnya potensi bahasa-bahasa tersebut ‘berkuasa’ di dunia hanya berdasarkan demografi – iaitu bilangan penduduk yang menggunakan bahasa tersebut – 10 bahasa yang berkuasa. (berdasarkan anggaran Wikipedia , tahun 2008).

1. Mandarin -
2. Inggeris
3. Hindustani
4. Sepanyol
5. Russia
6. Arab -
7. Benggali
8. Portugis
9. Melayu
10. Perancis

Bahasa terletak di tempat nombor 9 terbesar berdasarkan jumlah penutur. Di tingkat paling atas ialah bahasa Mandarin.

## Bahasa Mandarin

Bahasa **Mandarin** dituturkan oleh lebih satu billion orang, tetapi kebanyakannya di sebuah Negara saja iaitu di Republik Rakyat. Bahasa Mandarin diajar dari sekolah rendah sebagai subjek penting di sekolah jenis kebangsaan dan dilestarikan di **Malaysia** yang mempunyai penduduk Cina paling ramai di kalangan Asia Tenggara. Bahasa ini juga ialah bahasa yang paling ramai penuturnya di **Singapura** yang mengangkat bahasa tersebut sebagai salah satu bahasa rasminya. Pengajaran dan pembelajaran bahasa Mandarin dikukuhkan dengan perhubungan sejarah, budaya dan perdagangan yang lama dengan penduduk majoriti Negara tersebut yang berasal dari tanah besar China. Walau bagaimana pun bahasa Mandarin tidak diajar dan tidak digalakkan pelestariannya di Negara **Indonesia**, walaupun kaum Cina yang sedikit itu mendominasi ekonomi Negara Islam terbesar di dunia itu. Di Brunei Darussalam bahasa Mandarin tidak diajar di sekolah-sekolah pemerintah kini kerana bilangan penduduk Cina yang kecil yang senang menyerap ke dalam masyarakat Melayu.

## Bahasa Inggeris

Bahasa Inggeris, ialah bahasa yang kedua ramai penuturnya di dunia. Anggaran yang konservatif menunjukkan bahawa ia digunakan oleh 508 juta orang dari berbagai Negara (22 negara) kebanyakannya di Britain, Amerika, Australia, Canada, termasuk di Israel, Singapura, Malaysia dll. Bahasa Arab digunakan oleh 246 juta orang di Negara-negara Timur Tengah, seperti Mesir, Saudi Arabia, Syria, Iraq dan Negara-negara Islam yang lain. Bahasa ini ialah bahasa global yang paling pesat perkembangannya di dunia dengan bilangan penutur yang menggunakan sebagai bahasa kedua meningkat hari demi hari. Anggaran bilangan penutur menurut bahasa-bahasa yang digunakan sebagai bahasa kedua ini menempatkan bahasa Inggeris di tempat yang pertama dengan bilangan penutur mencecah 1.5 – 1.8 bilion. Angka ini mungkin bertambah kerana di antara bahasa dunia yang paling pesat

berkembang kini ialah bahasa Inggeris, paling cepat, dan bahasa Rusia keduanya.

Bahasa Inggeris ini ialah bahasa yang de facto di Singapura, digunakan dalam semua domain dalam negeri dan antarabangsa. Bahkan Negara tersebut telah masukkan sebagai Negara berbahasa Inggeris dengan kadar penutur bahasa tersebut sebagai bahasa pertama yang paling besar dan signifikan. Penutur bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua di Negara tersebut adalah menyeluruh di kalangan seluruh lapisan masyarakat. Bahasa Inggeris di Malaysia juga amat penting dan ramai penuturnya, terutama di kalangan elit. Ia digunakan di institusi pengajian tinggi dan dalam domain politik, ekonomi dan sebagainya walaupun tidak dijadikan bahasa pengantar dalam sistem persekolahan. Di Brunei bahasa Inggeris ialah bahasa pengantar di semua jinjang persekolahan dari sekolah rendah hingga ke Pengajian tinggi. Ia bahasa berprestij yang digunakan dalam urusan antarabangsa, perdagangan di dalam dan luar Negara, tetapi penggunaannya tidak begitu menyeluruh seperti di Singapura. Di Indonesia pula bahasa Inggeris adalah bahasa Asing yang sangat dipentingkan sekarang, dan tidak mempunyai penutur jati atau penutur bahasa kedua yang besar dan signifikan dari segi bilangan.

## **Bahasa Arab**

Dalam anggaran yang terbaru ini bahasa Arab berada di tempat kelima dengan 353.5 juta – 422 juta sebagai jumlah penduduk Negara-negara Arab keseruhannya. Ertinya bilangan penuturnya melebihi penutur bahasa Melayu / Indonesia. Bilangan penutur bahasa Arab sebagai bahasa pertama di Indonesia, Malaysia dan Brunei hanya segelintir saja tetapi oleh kerana ia wujud dalam sistem sekolah ‘madrasah’ maka bilangan mereka yang mempelajari bahasa tersebut agak signifikan. Di Brunei bahasa Arab sangat dipromosikan sekarang dengan menjadikan bahasa ketiga yang digalakkan kepada semua rakyat sejajar dengan perkembangan dan pengislaman yang lebih mendalam di kalangan pemimpin dan rakyat. Bahasa ini adalah selaras dengan wawasan

Brunei untuk menjadi Negara Zikir di mana kegiatan agama Islam menjadi paksi utama segala kegiatan. Di Singapura, baru-baru ini, menyedari tentang kekuatan ekonomi Negara Islam di dunia, maka langkah-langkah mempromosikan bahasa Arab telah dijalankan – bahasa ini masuk dalam kurikulum ‘Language Centre’ dan diangkat menjadi salah satu bahasa yang diajar sebagai Bahasa Ketiga di samping bahasa Jepun, Jerman, Perancis, Korea dan Melayu. Namun bahasa ini hanya ditawarkan kepada 10 peratus murid paling cemerlang berdasarkan keputusan Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah (PSLE). Kursus-kursus bahasa Arab untuk orang ramai dan kaki tangan kerajaan yang terpilih juga diadakan. Singapura mempunyai visi untuk menjadikan Negara itu sebagai sebuah pusat belajar bahasa Arab yang terbesar di dunia sebelah sini dan banyak sumber dan tenaga dicurahkan di arah ini, termasuk member biasiswa untuk anggota kerajaan blajar di Negara-negara Arab.

## **Bahasa Melayu**

Menurut statistik yang diterbitkan oleh Ethnologue tentang bahasa-bahasa di dunia pada tahun 2013, bahasa Melayu mempunyai 163 juta orang penutur , tetapi meningkat kepada anggaran 268 juta kalau semua warga Indonesia, Malaysia dan Brunei turut diambil kita. Anggaran bilangan penutur jati bahasa Melayu pula tidak menempatkan bahasa tersebut sebagai salah satu bahasa dalam kumpulan 10 di atas kerana bilangan penduduk Melayu yang kecil, tetapi bilangan ini menjadi begitu besar, mengatasi ramainya penutur jati apabila Negara Indonesia mengambil bahasa Melayu sebagai bahasa rasminya dalam seluruh fungsi Negara.

Selanjutnya akan dibincang tentang kriteria 6 , martabat dan prestij bahasa ; kriteria 7 dan 8 tentang penggunaannya dalam ekonomi iaituperdagangan antarabangsa dan dalam organisasi antarabangsa, dan criteria 9 penggunaannya dalam kalangan komuniti akademik dalam dan luar Negara. Oleh kerana martabat bahasa sangat rapat hubungan dengan bahasa yang dipandang bukan sahaja praktikal, maka saya masukkan factor agama sebagai

salah satu ukur taranya. Diperturunkan rajah di bawah ini untuk dibuat analisis.

### **Prestij Bahasa-bahasa yang berkuasa**

Bahasa yang digunakan di Perhimpunan Bangsa-bangsa Bersatu (UN) yang bertempat di New York menunjukkan tahap kekuatan dan tentunya berkait dengan prestij atau martabat sesebuah negara bangsa dipentas dunia. Terdapat enam bahasa rasmi yang digunakan dalam mesyuarat ‘General Assembly’, dalam Lembaga Ekonomi dan Sosialnya dalam dalam Majlis Keselamatan (Security Council). Bahasa negara bangsa itu juga digunakan dalam semua laporan-laporan rasminya. Setiap wakil negara boleh memilih untuk bercakap dalam salah satu daripada 6 bahasa rasmi tersebut dan jurubahasa akan menterjemahkan ucapannya ke dalam 5 bahasa lain itu secara serentak. Tambahan lagi dokumen UN tidak akan disebarluaskan sebelum ia diterbitkan dalam keenam-enam bahasa tersebut iaitu bahasa Arab, Cina, Inggeris, Perancis, Rusia dan Sepanyol.

Yang perlu diamati ialah semua bahasa yang penting dalam dunia Melayu, iaitu Inggeris, Mandarin dan Arab, kecuali bahasa Melayu atau Indonesia, adalah bahasa supra nasional yang teraku di Bangsa-bangsa Bersatu. Tambahan lagi, dalam senarai bahasa-bahasa baru yang dicadangkan untuk menjadi bahasa rasmi, juga tidak dimasukkan bahasa Melayu; yang dicadangkan ialah bahasa Bengali, Esperanto, Hindi, Portugis dan Turki.

Luar dari bidang politik, ekonomi dan military agama merupakan faktor penting. Sekarang kita beralih kepada bilangan penganut agama-agama besar di dunia berdasarkan data tahun 2012 untuk membanding dan mengenali faktor agama dalam menentukan KUASA sesuatu bahasa. Lihat rajah di bawah ini:

### **Anggaran Penganut Agama Terbesar di Dunia 2005**

Kebanyakan penganut Kristian menggunakan bahasa-bahasa Eropah, dan penganut Islam berbangsa Arab menggunakan bahasa

Arab, yang berbangsa India dan Pakistan dan Bangladesh menggunakan bahasa mereka, dan penganut agama Islam di Indonesia, Malaysia dan Brunei dan Thailand Selatan menggunakan bahasa Melayu / Indonesia. Penganut agama Hindu menggunakan bahasa-bahasa India sahaja sementara China Taoism dan agama Budha gunakan bahasa China, Jepun, Korea dan lain-lain.

### **Bahasa Melayu dalam Tatatingkat Bahasa yang Berkuasa di Dunia**

Pemaparan bahasa-bahasa yang menguasai dunia hari ini dengan kriteria yang dijadikan panduan untuk pemilihan menunjukkan setakat mana kuasa bahasa Melayu dalam percaturan dunia. Dalam beratus bahasa, beribu dialek didunia (ada lebih kurang 7,200 dialek kini) bahasa Melayu termasuk di kalangan tatatingkat teratas. Di Asia Tenggara, bahasa Melayu/bahasa Indonesialah yang terulong. Faktor-faktor luaran menentukan kebesaran sesebuah Negara bangsa termasuk kuasa bahasa untuk mempengaruhi dunia. “Mata wang” bahasa Melayu tidak digunakan sebagai pertukaran (exchange) secara global tetapi masih penting di tahap regional dan sangat penting dalam hal-hal kesusasteraan yang melambangkan kejadian ‘Melayu’.

### **Sastera Melayu masih berkuasa mempesona penulis dan peminat**

Pengajian kesusasteraan ini dapat ‘menanamkan rasa, mengajarkan keinsanan dan memperluas minda’. Dalam kesusasteraan Melayu yang terkini berlaku satu paduan yang fungsional, berkait dengan agama Islam. Ia menampilkan kehidupan Islamik berjalur dengan keindahan pengkaryaan yang ‘real’ dan lebih hakiki sifatnya. Lihatnya bagaimana reaksi masyarakat khususnya remaja dalam menikmati karya-karya atau filem-filem seperti Ayat-ayat Cinta, Apabila Cinta Bertasbih dan sebagainya. Sastera Melayu ternyata masih berkuasa mempesona penulis dan peminat.

Jadi peranan sastera Melayu amat wajar diajar dalam komponen bahasa, sekurang-kurangnya. Dalam sistem pendidikan Negara. Sehubungan ini Dasar Pendidikan bahasa sangat penting –

kebijakan negara2 Melayu seperti Brunei melahirkan keseimbangan yang dicari-cari selama ini. Di Negara ‘Darussalam’ ini, bahasa dan sastera Melayu masih dijunjung tinggi. Bahasa dan sastera Melayu hidup dan mekar di bawah dasar bahasa yang dinamik, dengan mengira jatidiri rakyat dan Sultannya yang dikasihi rakyat. Apabila berlaku perubahan besar dasar pendidikan pada tahun 1985 yang memakukan sistem Dwibahasa dalam semua sistem pemerintahan, ramai di kalangan cendekiawan Melayu merasa ragu-ragu dan bimbang tentang arah tujuan bahasa Melayu, yang difikirkan akan tergugat oleh sistem Pendidikan Dwibahasa yang mengangkat bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar sekolah-sekolah di seluruh Negara. Namun kebijaksanaan pemimpin Melayu terserlah apabila sistem pendidikan menunjukkan hasil yang membanggakan. Pemungiran bahasa dan sastera Melayu tidak berlaku, - bahasa Melayu berjaya dijulang dengan segala fungsi dan peranannya yang yang asli, masih utuh. Ia turut berkembang di dalam domain-domain yang agak lemah sebelum itu.

Peranan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei dalam melestarikan bahasa ibunda itu patut dihargai. Kegiatan sastera turut berkembang dengan begitu meluas dan dinamik, penerbitan karya-karya tempatan yang dihasilkan oleh penulis-penulis Brunei yang mapan dan yang baru berlangsung dalam suasana yang cukup ghairah. Anugerah sastera, hadiah-hadiah sastera dan penggalakan persuratan Melayu terserlah di atas mahligainya. Suasana kesusasteraan yang dinamik seperti ini terdapat juga di Singapura yang mempunyai peratus orang Melayu berbahasa Inggeris yang paling tinggi. Di situ sastera Melayu masih bertahan dan keunggulannya tetap dirasai oleh segelintir peminat dan pencintanya, walaupun ia belum merakyat, kelihatan lebih mundur dari tahun-tahun 50-an dahulu, sebelum ‘jantung’ sastera Melayu yang berada di Singapura berpindah ke Kuala Lumpur.

Di Indonesia dan Malaysia, bahasa dan sastera Melayu tentunya akan melangkah lebih cepat dan dinamik walau ada suara-suara kecewa kerana melihat trend yang tidak sebagai yang diharapkan. Bahasa dan sastera Melayu akan tetap memiliki

kuasanya yang “memberi manfaat” selagi ada manusia-manusia Melayu yang kreatif dalam penggunaan bahasa ibundanya.

## RUJUKAN

- Habermas (1984). *Theory of Communicative Action*. Terjemahan Thomas Mc Carthy, Boston, Beacon Press.
- Kamsiah Abdullah, 2004. ‘Bahasa Melayu sebagai Seni dan Senjata dalam Mencipta Khazanah Ilmu’. *Jurnal Bahasa*, 4(1), 41-62.
- Li Wei (1995). `Three Generations, Two Languages, One Family: Language Choice and Language Shift in a Chinese Community in Britain` . *The Electronic Journal for English as a 2nd Language*, June 1995 — Volume 1, Number 4.
- Mana Sikana, 2008. Wacana Dinamika Sastera Melayu Moden Pascamoden. Jurnal Elektronik, *E-UTAMA*, Jilid 1. Jabatan Bahasa dan Kebudayaan Melayu, Institut Pendidikan Nasional Singapura.
- Richards I.A. (1926). *Science and Poetry* (Kegan Paul, Trench, Trubner: London
- Foucault: Power is Everywhere dari <http://www.powercube.net/other-forms-of-power/foucault-power-is-everywhere/> akses 29 Oct .2013
- Language and Evolution Homepage: Robin Allot di <http://www.percepp.com/science.htm> . akses 28 Oct.2013.